

SEPAK TAKRAW

Pelajar NUS ghairah timang bola takraw



– Foto PERSES

DARIPADA tidak tahu hingga terpesona dan ghairah mahu mencuba menimang bola sepak takraw.

Demikian semangat yang ditunjukkan sekumpulan 100 mahasiswa Perkhemahan Fakulti Komputer Universiti Nasional Singapura (NUS) 2015 kelmarin.

Sesi memperkenalkan sukan tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura dan serantau itu merupakan sebahagian

daripada usaha Persekutuan Sepak Takraw Singapura (Perses) mempromosikan sukan tersebut menjelang Sukan SEA yang akan diadakan di Singapura Jun ini.

Seramai lebih 100 mahasiswa, lelaki dan perempuan, kebanyakannya bukan Melayu, mengikuti sesi tersebut, yang dikendalikan jurulatih pasukan nasional, Padzli Othman, dan dibantu beberapa pengadil Perses.

Tunjuk cara itu diikuti persembahan video syarikat Asia Sports Ventures (ASV) dengan kerjasama Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf).

Pelajar itu turut terpegun menyaksikan aksi akrobatik beberapa pemain nasional yang menunjukkan cara menimang bola dan membuat sepakan libas yang popular dalam permainan itu. ► **ISMAIL ALI**